


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Maksud Bekalan/Pembangunan 64



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
11,767,147,000	1,611,170,000	0	13,378,317,000

OBJEKTIF

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar dari segi sistem dan peranan KPT ke arah mencapai matlamat yang disasarkan. Secara khususnya, KPT mempunyai peranan untuk:

- (i) Memupuk minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan yang bukan hanya mencari kerja semata-mata;
- (ii) Membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa tetapi turut memberi penekanan kepada laluan *Technical and Vocational Education Training* (TVET);
- (iii) Memberikan tumpuan kepada keberhasilan berbanding input, di samping menggunakan teknologi dan inovasi bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar;

- (iv) Mengharmonikan kawal selia di antara Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan beralih daripada sistem tadbir urus berpusat ketika ini kepada model Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang mempunyai lebih autonomi dalam rangka kerja perundangan yang ditetapkan; dan
- (v) Memastikan kemampuan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan pada sumber kerajaan dan memastikan semua pihak berkepentingan turut memberikan sumbangan.

PELANGGAN

- (i) Anggota pentadbiran, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
- (ii) Tenaga pengajar dan pelajar IPTA dan IPTS; dan
- (iii) Institusi-institusi lain dalam bidang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan negara.

STRATEGI

Melaksanakan program-program peningkatan kecemerlangan pengajian tinggi negara dengan cekap dan berkesan bertunjangkan sepuluh (10) lonjakan strategik yang digariskan dalam PPPM (PT), iaitu:

- (i) Lonjakan 1 : Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang;
- (ii) Lonjakan 2 : Kecemerlangan Bakat;
- (iii) Lonjakan 3 : Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- (iv) Lonjakan 4 : Graduan TVET Berkualiti;
- (v) Lonjakan 5 : Kemampuan Kewangan;
- (vi) Lonjakan 6 : Pemantapan Tadbir Urus;
- (vii) Lonjakan 7 : Ekosistem Inovasi;
- (viii) Lonjakan 8 : Keunggulan Global;
- (ix) Lonjakan 9 : Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global; dan
- (x) Lonjakan 10 : Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

PROGRAM 1 : PENGURUSAN

Aktiviti 1 : Pengurus Ibu Pejabat

Objektif – (a) Mempertingkatkan keupayaan KPT sebagai teras dari segi memimpin, mengurus, memudah cara, memantau dan menguatkuasa peraturan-peraturan dan dasar-dasar berkaitan demi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi antarabangsa; (b) Mewujudkan kerjasama padu dengan semua IPTA dan IPTS serta badan-badan lain yang berkaitan bagi tujuan pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi tempatan; dan (c) Memberi penajaan kepada kakitangan akademik dan bukan akademik IPTA, orang awam dan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. kursus dan latihan dianjurkan	330	325	336
Bil. baucar bayaran disediakan	8,338	8,500	8,600
Bil. aktiviti promosi KPT diadakan	155	175	190
Bil. Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	1,312	1,430	1,548
Bil. Bantuan Kewangan Asasi IPTA	32,150	34,000	34,000

PROGRAM 2 : JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

Objektif – (a) Memantapkan hala tuju akademik Universiti Awam (UA) melalui penggubalan dan pemantauan pelaksanaan dasar pendidikan tinggi negara, menguruskan kemasukan, akademik, kurikulum, program-program sahshiah pelajar, indeks jurnal, urus tadbir governan IPT dan akademia-industri; (b) Membangunkan sekurang-kurangnya 10 buah pusat kecemerlangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dari segi hasil penyelidikan, hak cipta, penerbitan, kerjasama penyelidikan dan pengkomersilan hasil penyelidikan, meningkatkan program dan aktiviti pemasaran pendidikan serta pembinaan jaringan industri, penyelidikan dan pengkomersilan; (c) Memantapkan urusan pendaftaran IPTS, menilai pelaksanaan piawaian IPTS serta mengawal selia dan menguatkuasa pematuhan IPTS terhadap peruntukan perundangan pendidikan tinggi swasta; (d) Menilai pelaksanaan dasar berhubung pendidikan tinggi swasta di samping menggubal dasar-dasar dan menjalankan semakan ke atas Akta IPTS bagi memastikan perkembangan, pembangunan dan hala tuju pendidikan tinggi swasta adalah selaras dengan dasar semasa, wawasan negara serta PPPM (PT); dan (e) Memastikan kebajikan pelajar Malaysia di luar negara terjamin melalui kemudahan dan khidmat bantuan tersedia melalui *Education Malaysia* (EM) yang turut merangkumi program-program pembangunan sahshiah pelajar, menyelaras dan mengemas kini maklumat mengenai program pengajian, sara hidup dan keselamatan di luar negara termasuk pengurusan data dan maklumat pelajar-pelajar di luar negara yang tepat, cekap dan berkesan bagi membantu perancangan sumber tenaga manusia negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. prosesan permohonan kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ke IPTA	318,284	356,774	390,000
Bil. program akademik baharu IPTA yang diluluskan	47	50	50

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. kerjasama di antara IPTA dan industri	10	30	35
Bil. penubuhan/naik taraf IPTS	21	5	5
Bil. IPTS yang dipantau dan diselua	265	230	240

PROGRAM 3 : JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK

Objektif – (a) Mengkonsepsi dan merealisasikan dasar dan hala tuju sistem pengajian politeknik dari segi pembangunan dan pengurusan institusi, program kursus, latihan kakitangan dan penjaminan kualiti sesuai dengan keperluan negara; (b) Merancang dan melaksanakan program latihan dan kerjaya kakitangan; (c) Merancang, memantau dan mengawal pembangunan fizikal politeknik serta keperluan peralatan bukan akademik; dan (d) Merancang, melaksana, memantau dan menambah baik dasar pengambilan dan penempatan pelajar, pengurusan hal ehwal dan kebijakan pelajar serta pelaksanaan dasar penilaian dan peperiksaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. Politeknik Konvensional	25	27	27
Bil. Politeknik Metro	5	5	5
Bil. Politeknik Premier	3	3	3
Bil. enrolmen pelajar	92,712	102,977	111,006
Bil. lulusan sijil dan diploma	30,251	38,172	31,319

PROGRAM 4 : JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI

Objektif – (a) Menyediakan pendidikan dan latihan yang dinamik dan berkualiti kepada semua peringkat masyarakat; (b) Menyediakan laluan pendidikan alternatif kepada pelajar lepasan menengah; (c) Menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (*k-community*); (d) Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan melatih semula (*reskilling*) untuk keperluan tenaga kerja setempat; (e) Menyediakan rangkaian strategik untuk pengukuhan aktiviti sosioekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pihak berkepentingan (*stakeholders*); dan (f) Mewujudkan kerjasama yang erat di antara ahli masyarakat, kerajaan tempatan dan swasta bagi memajukan kawasan setempat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. kolej komuniti	91	96	106
Bil. enrolmen pelajar kolej komuniti	17,985	21,085	23,595
Bil. penyertaan kursus pendek	314,828	280,000	294,000
Bil. kursus pendek Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (P.I.S.H)	1,039	200	210
Bil. lulusan kolej komuniti	3,282	6,491	7,000

PROGRAM 5 : AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

Objektif – (a) Memperkasa Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF); (b) Membangunkan kriteria dan standard bagi penganugerahan kelayakan; (c) Menjamin kualiti institusi pengajian tinggi dan program; (d) Memberi perakuan akreditasi kepada program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan; (e) Memudah cara pengiktirafan dan penyeteraan kelayakan; dan (f) Mengendalikan Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR).

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penilaian kelulusan/akreditasi sementara program	1,051	997	975
Bil. penilaian akreditasi program	692	789	773
Bil. pelaksanaan audit institusi	10	11	21
Bil. penilaian pematuhan akreditasi	0	333	440
Bil. pembangunan/kajian semula standard program	4	4	5

PROGRAM 6 : UNIVERSITI AWAM

Aktiviti 1 : Universiti Malaya (UM)

Objektif – (a) Menghasilkan graduan cemerlang dalam bidang akademik dan berketerampilan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja untuk menyumbang kepada pembangunan negara secara cekap dan berkesan; dan (b) Menjadi sebuah universiti penyelidikan yang memainkan peranan utama di barisan hadapan dalam menjana pengetahuan berdaya maju dan memastikan masyarakat dan negara mendapat manfaat dalam penjanaaan pengetahuan tersebut.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	26,682	24,965	26,400
Bil. pengambilan pelajar baru	6,528	6,940	6,900
Bil. graduan dikeluarkan	5,370	5,478	5,510
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	267	270	275
Bil. penyelidikan dan pembangunan	6,749	6,000	6,500

Aktiviti 2 : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Objektif – (a) Siswazah beraspirasi kebangsaan dan berkemampuan – siswazah UKM menghayati aspirasi kebangsaan, memiliki nilai etika, berilmu pengetahuan, kompeten, berdaya inovasi dan berdaya saing yang memenuhi keperluan negara dan masyarakat sejagat; (b) Penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi - kepakaran dan hasil penyelidikan UKM menyumbang secara tekal kepada pembangunan ekonomi dan sosial melalui ekosistem yang dapat memupuk penemuan inovasi, penyebaran dan penggunaan ilmu; (c) Perkongsian pintar dan keterlibatan strategik - perkongsian pintar yang berimpak tinggi antara UKM dengan pihak berkepentingan yang saling memanfaatkan dan mengukuhkan tawaran nilai UKM (pendidikan, penyelidikan dan khidmat universiti) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (d) Sumber manusia dan institusi cemerlang - staf akademik, pengurusan dan

profesional, dan pelaksana mempunyai ilmu, kemahiran, etika, kemuafakatan dan proaktif kepada perubahan yang berupaya menambah nilai perkhidmatan dan membangunkan institusi yang cemerlang, berinovasi dan produktif; (e) Penjanaan kekayaan secara optimum dan strategik - kedudukan kewangan yang kukuh dan mantap disokong oleh aktiviti penjanaan kekayaan secara optimum dan strategik berdasarkan kepakaran, harta intelektual dan aset hakiki; dan (f) Prasarana dan persekitaran ilmu yang kondusif - UKM mempunyai prasarana, persekitaran dan sistem perkhidmatan yang berkesan sebagai pemangkin kepada aktiviti pendidikan, penyelidikan dan khidmat yang cemerlang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	21,939	23,036	24,188
Bil. pengambilan pelajar baru	6,275	6,589	6,918
Bil. graduan dikeluarkan	5,580	5,859	6,152
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	657	690	725
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	85	90	95

Aktiviti 3 : Universiti Sains Malaysia (USM)

Objektif – (a) Menghasilkan siswazah dan pasca siswazah dalam pelbagai bidang yang sentiasa mengutamakan peningkatan penggunaan ilmu dan budaya intelek bagi guna tenaga negara yang akan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi; (b) Menjadikan USM sebuah IPT yang dapat menjana dan mengaplikasikan ilmu, memupuk pemikiran baru dan pintar mengurus perkongsian di peringkat serantau dan antarabangsa; (c) Menjadikan USM sebagai institusi terulung dalam membangunkan golongan terpinggir di peringkat setempat, serantau dan global; (d) Menyebarkan hasil penemuan penyelidikan dalam bentuk persembahan dan penerbitan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan; dan (e) Mencapai dan mengekalkan piawaian akreditasi antarabangsa dalam pengurusan makmal dan kemudahan-kemudahan penyelidikan serta perkhidmatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	33,378	34,250	35,166
Bil. pengambilan pelajar baru	7,443	7,626	7,813
Bil. graduan dikeluarkan	6,484	6,780	6,023
Bil. penerbitan/paten/laporan	16	15	16

Aktiviti 4 : Universiti Putra Malaysia (UPM)

Objektif – (a) Mempertingkatkan kualiti dan daya saing graduan; (b) Penjanaan nilai melalui RDCE yang mantap dan lestari; (c) Melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat; (d) Memperkasakan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian; (e) Mempertingkatkan kualiti tadbir urus.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	29,278	30,528	31,159
Bil. pengambilan pelajar baru	8,469	9,242	9,507
Bil. graduan dikeluarkan	5,611	6,184	6,555
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	910	1,400	1,540
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	526	311	311

Aktiviti 5 : Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Objektif – (a) Menyerlah dari segi sumbangan ilmu kepada pemugaran budaya ilmu, pelestarian perkembangan ilmu, pembinaan korpus ilmu lebih berprestij dan penghasilan harta intelek yang membantu ke arah *wealth creation* dalam konteks pembangunan negara; (b) Mengeluarkan modal insan yang berkualiti dalam bidang sains dan teknologi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan peradaban sejagat; dan (c) Membantu masyarakat dalam pelbagai aspek menerusi pelbagai aktiviti akademik dan kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh pensyarah atau pelajar selaras dengan dasar pembangunan negara yang meletakkan tanggungjawab semua pihak memberi sumbangan kepada kesejahteraan sosial.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	25,872	24,069	24,619
Bil. pengambilan pelajar baru	6,322	4,871	7,068
Bil. graduan dikeluarkan	7,116	6,500	7,000
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	793	604	600
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	1,168	1,300	1,500

Aktiviti 6 : Universiti Utara Malaysia (UUM)

Objektif – Menjadi pusat pembelajaran di peringkat siswazah dan pasca siswazah dalam bidang pengurusan serta menghasilkan sumber tenaga manusia yang mampu beriltizam membangunkan negara dan juga untuk membangunkan bidang pengurusan sebagai pusat kecemerlangan, menjadi pusat rujukan dan pusat sumber terulung dalam bidang pengurusan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	33,788	38,182	40,817
Bil. pengambilan pelajar baru	12,527	13,127	12,226
Bil. graduan dikeluarkan	7,358	8,733	9,591
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	145	149	150
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	135	135	140

Aktiviti 7 : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Objektif – Melahirkan siswazah di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan dengan menggunakan Islam sebagai sumber utama dan memperkasakan program akademik, memperteguh program penyelidikan dan inovasi serta pembentukan sahsiah pelajar yang seimbang agar dapat mempergiatkan pembangunan masyarakat dan umat Islam di Malaysia dan juga peringkat antarabangsa dalam memenuhi pasaran tenaga kerja di sektor awam dan swasta.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	24,131	24,267	26,688
Bil. pengambilan pelajar baru	8,296	8,771	9,001
Bil. graduan dikeluarkan	4,720	6,165	5,460
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	308	160	170

Aktiviti 8 : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Objektif – (a) Meneroka dan memajukan ilmu yang relevan dan bermanfaat, menggalakkan penggunaan ilmu bagi pembangunan intelek, sosial, ekonomi, teknologi dan industri dan memelihara, menyempurna serta menyebarkan ilmu melalui kesarjanaan, penerbitan dan pembangunan sistem maklumat untuk memenuhi keperluan masyarakat; (b) Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan yang mampan melalui pencarian kegunaan bagi pengetahuan teori, perluasan penggunaan ilmu dan kemahiran baru, serta penawaran khidmat latihan, penyelidikan dan perundingan; (c) Mewujud dan sentiasa meningkatkan reputasi dan taraf kesarjanaan dengan menentukan secara bersistem mutu program, kursus, penyelidikan dan perkhidmatan kesarjanaannya, serta sentiasa meningkatkan kecekapan dan sifat akademik pengurusanannya; dan (d) Mewujudkan komuniti yang progresif, proaktif dan inovatif yang peka terhadap perubahan luaran yang berupaya menyumbang dengan berkesan kepada pembangunan universiti dan masyarakat Malaysia.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	15,033	14,596	14,537
Bil. pengambilan pelajar baru	4,848	5,220	5,220
Bil. graduan dikeluarkan	3,708	5,504	5,215
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	67	159	160

Aktiviti 9 : Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Objektif – Mengeluarkan graduan pra-siswazah dan pasca siswazah yang berketerampilan dalam bidang sastera, sastera ikhtisas, sains gunaan, teknologi dan kejuruteraan bagi menyumbang kepada keperluan guna tenaga negara serta mengadakan dan memajukan aktiviti-aktiviti pengembangan ilmu secara cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	16,382	17,659	17,401
Bil. pengambilan pelajar baru	5,523	6,033	6,106
Bil. graduan dikeluarkan	4,264	4,796	4,586
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	196	190	200

Aktiviti 10 : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Objektif – Mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, serta mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang-bidang tersebut.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	13,351	14,076	12,889
Bil. pengambilan pelajar baru	3,907	4,290	3,665
Bil. graduan dikeluarkan	3,213	3,213	4,658
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	113	120	130

Aktiviti 11 : Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Objektif – (a) Menyediakan peluang maksimum kepada kaum Bumiputera bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan; (b) Menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendokong dasar pembangunan negara; (c) Mewujudkan program pembangunan kemanusiaan sebagai alat menerapkan sistem nilai di kalangan masyarakat UiTM; (d) Memastikan produk UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah juga bersedia berkhidmat di peringkat global; dan (e) Menjadikan UiTM sebuah organisasi cemerlang yang menjamin pengurusan sumber manusia, kewangan dan harta benda yang berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat pendidikan UiTM serta memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	161,105	170,000	170,000
Bil. pengambilan pelajar baru	69,749	80,347	81,062
Bil. graduan dikeluarkan	48,347	53,189	55,177
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	1,344	1,381	1,400
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	1,942	2,100	2,235

Aktiviti 12 : Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Objektif – Menzahirkan insan berperadaban dan berkemahiran teknologi melalui kecemerlangan akademik dan keterlibatan komuniti berteraskan lima (5) tonggak utama iaitu: (a) kebitaraan ekosistem akademik, (b) governan mesra dan efektif, (c) penyelidikan berimpak tinggi, (d) tersohor di persada antarabangsa dan (e) keamanan kualiti hidup.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	7,651	7,773	10,623
Bil. pengambilan pelajar baru	2,707	3,000	3,300
Bil. graduan dikeluarkan	2,485	2,366	2,416
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	1,247	1,500	1,600
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	195	245	310

Aktiviti 13 : Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Objektif – (a) Menghasilkan graduan yang profesional berteraskan nilai-nilai Islam, kreatif dan inovatif, holistik dan malim sarjana; (b) Mentransformasikan pelajar-pelajar aliran agama kepada arus perdana yang mempunyai minda kelas pertama dengan nilai-nilai murni dan jati diri yang utuh; (c) Melaksanakan konsep sekolah dalam kampus demi melahirkan pemimpin Islam di masa hadapan, profesional serta *technocrat* Islam dan *nobel laureate* Muslim; dan (d) Melahirkan graduan yang kreatif dan inovatif serta mempunyai minda keusahawanan dan minda perintis.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	13,035	13,507	14,375
Bil. pengambilan pelajar baru	4,024	3,928	4,209

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. graduan dikeluarkan	1,829	2,612	2,432
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	233	270	280
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	314	400	415

Aktiviti 14 : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Objektif – Menghasilkan graduan dan pasca graduan dengan minda kelas pertama serta mempunyai nilai kebolehpasaran kerja yang tinggi di industri selaras dengan Misi Nasional yang kedua, iaitu Pengukuhan Modal Insan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	16,110	17,067	18,675
Bil. pengambilan pelajar baru	3,661	4,918	5,417
Bil. graduan dikeluarkan	3,477	3,812	3,906
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	585	500	500
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	379	300	310

Aktiviti 15 : Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Objektif – (a) Menerokai segala ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan sains, teknologi dan pengurusan alam melalui penyelidikan; (b) Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan; (c) Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan; (d) Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketerampilan; dan (e) Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan khususnya kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	9,532	9,365	10,956
Bil. pengambilan pelajar baru	3,112	3,413	3,613
Bil. graduan dikeluarkan	2,142	2,613	2,772
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	267	348	418
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	30	40	50

Aktiviti 16 : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Objektif – (a) Melonjak kecemerlangan pendidikan teknikal; (b) Merintis teknologi masa hadapan; (c) Membentuk pemimpin berciri teknousahawanan; (d) Memacu potensi komuniti; (e) Pengurusan bakat; dan (f) Kelestarian kewangan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	11,214	11,205	12,992
Bil. pengambilan pelajar baru	3,021	3,140	3,580
Bil. graduan dikeluarkan	2,353	2,963	2,722

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	206	210	215
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	33	20	25

Aktiviti 17 : Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Objektif – (a) Memperkasa dan melonjaktinggikan UniMAP sehingga mencapai tahap keterlihatan antarabangsa yang menyerlah; (b) Mewujudkan ekosistem yang kondusif di mana pengukuhan konsep kampus alam, kampus bandar dan kampus hijau yang mesra berorientasikan masyarakat; (c) Menjadikan UniMAP sebagai Universiti Penyelidikan Teknikal yang menumpukan kepada penyelidikan berimpak tinggi dan memberikan nilai komersil yang terbaik; (d) Menjadikan keunggulan akademik sebagai teras dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua program pengajian supaya mencapai taraf lima (5) bintang; (e) Melonjakkan lagi tadbir urus yang gemilang bagi memantapkan lagi sistem pentadbiran melalui penghasilan sumber manusia yang berpengetahuan tinggi, berintegriti, kompeten dan berinovatif; dan (f) Menghasilkan siswazah yang berkualiti, berintegriti dan berprestasi tinggi iaitu siswazah berbakat istimewa dalam pelbagai bidang selaras dengan hala tuju Malaysia ke arah negara maju mengikut acuan kita sendiri pada tahun 2020.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	11,642	15,443	17,709
Bil. pengambilan pelajar baru	3,858	4,842	5,646
Bil. graduan dikeluarkan	1,887	2,590	2,950
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	140	145	150
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	222	200	220

Aktiviti 18 : Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Objektif – Mengeluarkan graduan yang berkualiti dan dapat bersaing di peringkat global dalam bidang kejuruteraan dan teknologi bagi membantu memenuhi keperluan tenaga profesional untuk perindustrian dan pembangunan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	10,195	10,864	8718
Bil. pengambilan pelajar baru	2,094	2,640	2,970
Bil. graduan dikeluarkan	1,362	1,433	1,560
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	119	125	145
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	170	180	190

Aktiviti 19 : Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Objektif – (a) Menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi kurikulum; (b) Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat; (c) Membangun keupayaan kakitangan dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kepimpinan dan pengurusan; (d) Membangun kapasiti dan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi meningkatkan daya saing dalam penjana kekayaan negara; (e) Menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang

kondusif sebagai asas kepada pembangunan universiti bertaraf dunia; (f) Melaksanakan aktiviti pembangunan wilayah sejajar dengan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER); dan (g) Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif dan berintegriti tinggi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	8,756	10,705	12,302
Bil. pengambilan pelajar baru	3,366	3,136	3,300
Bil. graduan dikeluarkan	609	1,182	1,702
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	265	280	295
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	81	101	121

Aktiviti 20 : Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Objektif – (a) Menyediakan asas pengetahuan yang kukuh dan seimbang dalam bidang kemanusiaan, pengurusan, sains dan teknologi serta menerap daya usaha intelektual melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan usaha keserjanaan yang bertaraf antarabangsa; (b) Menanam semangat kesetiaan dan patriotisme yang tinggi untuk berbakti kepada negara dengan berbekalkan ilmu, kemahiran serta kecekapan asas ketenteraan; (c) Membangunkan warga yang mempunyai tanggungjawab sosial dengan berteraskan kepada unsur-unsur kerohanian, etika budaya dan moral terpuji; (d) Membentuk pemimpin masa depan yang lebih memahami, menghayati dan mempunyai sikap toleransi terhadap kepelbagaian etnik, budaya dan agama; (e) Membekalkan pemimpin masa depan dengan kebolehan berkomunikasi; dan (f) Menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi pertahanan, ekonomi, diplomasi, hal ehwal ketenteraan dan pengajian keselamatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	3,915	4,264	4,355
Bil. pengambilan pelajar baru	1,173	1,350	1,350
Bil. graduan dikeluarkan	471	649	537
Bil. aktiviti pembangunan pelajar	125	130	135
Bil. aktiviti penyelidikan dan pembangunan	11	19	24

PROGRAM 7 : HOSPITAL PENGAJAR

Aktiviti 1 : Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

Objektif – (a) Mengadakan kemudahan-kemudahan yang bermutu tinggi kepada pesakit-pesakit dalam dan luar, menjadi pusat rujukan utama yang memberi perkhidmatan diagnostik dan rawatan, dan mengadakan kerjasama dalam bidang perubatan siswa dengan menerapkan konsep moden yang disesuaikan dengan keperluan khas di Malaysia; (b) Mengadakan kemudahan bagi penyelidikan yang dijalankan di Jabatan Akademik Fakulti Perubatan; (c) Mengadakan program yang mencukupi bagi pegawai-pegawai perubatan latihan siswazah dan doktor mastautin; dan (d) Mengadakan kemudahan latihan basik dan pos-basik bagi jururawat dan kemudahan latihan lepasan ijazah dan pendidikan perubatan berterusan, serta bekerjasama dengan Fakulti Perubatan dalam memajukan PPUM untuk mencapai kedudukan bertaraf antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pesakit luar dirawat	975,560	1,024,430	1,075,700
Bil. pesakit dalam dirawat	53,600	56,280	59,090
Bil. pembedahan dijalankan	23,460	25,500	28,050

Aktiviti 2 : Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan rawatan, pendidikan dan promosi kesihatan kepada pesakit; (b) Menyediakan kemudahan perubatan dan kesihatan yang moden, canggih dan terkini untuk rawatan kesihatan di peringkat primer, sekunder dan tertiar; (c) Menyediakan kemudahan latihan yang komprehensif dan bersepadu kepada pelajar-pelajar perubatan di peringkat pra-siswazah dan pasca siswazah berbekalkan kemudahan dan peralatan yang berkualiti untuk membantu kegiatan penyelidikan yang menekankan kepada disiplin klinikal; dan (d) Menyediakan latihan dalam bidang-bidang khusus serta menjadi pusat rujukan cemerlang dalam bidang perubatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pesakit luar dirawat	530,640	509,958	510,213
Bil. pesakit dalam dirawat	35,837	37,428	37,802
Bil. pembedahan dijalankan (Major dan Minor)	13,831	13,838	13,845

Aktiviti 3 : Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)

Objektif – (a) Menyediakan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang moden dan lengkap bagi tujuan rawatan pesakit dan penyelidikan; (b) Menyediakan kemudahan-kemudahan yang komprehensif bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran; (c) Menjadi pusat rujukan cemerlang dalam bidang-bidang perubatan yang khusus; dan (d) Menyediakan sumber manusia yang mahir dan terlatih dengan bilangan yang mencukupi bagi memastikan perkhidmatan perubatan, pembelajaran dan penyelidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	356,709	374,500	393,200
Bil. kemasukan pesakit	40,390	42,410	44,530
Bil. kelahiran	8,663	9,096	9,550
Bil. pembedahan dijalankan	8,438	8,607	8,779

PROGRAM 8 : KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (KUTAR)

Objektif – (a) Ke arah merealisasikan Wawasan 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) (Tahun 2016 sehingga 2020) menggariskan bidang keberhasilan utama (*Key Result Area* - KRA) berasaskan enam (6) teras strategik; (b) Selaras dengan Teras Strategik Ketiga – Membangun Modal Insan, KUTAR akan terus memainkan peranan menyumbang kepada pembangunan modal insan dalam peningkatan kualiti pelajar dan kualiti pensyarah/pengajar akademik dengan tujuan menghasilkan graduan di peringkat profesional, separa profesional dan mereka yang terlatih dalam TVET. Ini selaras dengan inisiatif dalam

PPPM (PT) untuk menghasilkan graduan keusahawanan, berpengetahuan, berkemahiran tinggi, inovatif, mempunyai nilai-nilai murni positif dan graduan TVET berkualiti; (c) KUTAR menjalinkan hubungan yang erat dengan industri dalam penyampaian kurikulum pendidikan dan penyelidikan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. enrolmen pelajar	25,482	26,877	28,246
Bil. pengambilan pelajar baru	12,893	13,149	13,288
Bil. graduan dikeluarkan	9,948	10,050	10,150
Bil. program kokurikulum dikendalikan merangkumi 7 komponen <i>soft skill</i>	28	30	32
Peratus staf akademik yang telah memperoleh latihan pengajaran (%)	76	76	76

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2016 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2015 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2016 RM</i>
10000	Emolumen	904,407,200	971,868,400
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	682,204,000	608,683,900
30000	Aset	29,000,000	0
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	11,531,198,400	10,185,787,200
50000	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	807,500	807,500
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		13,147,617,100	11,767,147,000

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2016 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2015 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2016 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	53,860,000	2,000,000
30000	Aset	1,587,126,800	146,921,500
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	996,244,800	1,462,248,500
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		2,637,231,600	1,611,170,000

RINGKASAN - 2016

Anggaran Perbelanjaan Mengurus	11,767,147,000
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung)	1,611,170,000
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	13,378,317,000

Maksud Bekalan 64 - KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
 Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

B.64

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2015	2016	2015	2016
			RM	RM		
010000	PENGURUSAN	...	1,815,662,600	1,538,033,900		
		10000	53,399,200	59,152,400	1,128	1,128
		20000	283,221,000	262,229,000		
		40000	1,479,042,400	1,216,652,500		
010100	Pengurusan Ibu Pejabat	...	1,815,662,600	1,538,033,900		
		10000	53,399,200	59,152,400	1,128	1,128
		20000	283,221,000	262,229,000		
		40000	1,479,042,400	1,216,652,500		
020000	JABATAN PENDIDIKAN TINGGI	...	100,263,500	90,443,400		
		10000	41,628,000	37,744,000	478	478
		20000	37,763,000	34,851,900		
		30000	1,000,000	0		
		40000	19,065,000	17,040,000		
		50000	807,500	807,500		
020100	Jabatan Pendidikan Tinggi	...	100,263,500	90,443,400		
		10000	41,628,000	37,744,000	478	478
		20000	37,763,000	34,851,900		
		30000	1,000,000	0		
		40000	19,065,000	17,040,000		
		50000	807,500	807,500		
030000	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK	...	831,460,000	841,705,000		
		10000	586,510,000	646,341,000	10,633	10,633
		20000	210,060,000	183,214,000		
		30000	22,000,000	0		
		40000	12,890,000	12,150,000		
030100	Jabatan Pendidikan Politeknik	...	831,460,000	841,705,000		
		10000	586,510,000	646,341,000	10,633	10,633
		20000	210,060,000	183,214,000		
		30000	22,000,000	0		
		40000	12,890,000	12,150,000		
040000	JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI	...	356,180,000	348,130,000		
		10000	222,870,000	228,631,000	4,428	4,428
		20000	120,310,000	112,499,000		
		30000	6,000,000	0		
		40000	7,000,000	7,000,000		
040100	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti	...	356,180,000	348,130,000		
		10000	222,870,000	228,631,000	4,428	4,428
		20000	120,310,000	112,499,000		
		30000	6,000,000	0		
		40000	7,000,000	7,000,000		
050000	AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA	...	27,381,700	28,407,800		
		40000	27,381,700	28,407,800		
050100	Agensi Kelayakan Malaysia	...	27,381,700	28,407,800		
		40000	27,381,700	28,407,800		

Maksud Bekalan 64 - KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
 Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

B.64

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2015	2016	2015	2016
			RM	RM		
060000	UNIVERSITI AWAM	...	8,753,564,300	7,311,337,500		
		40000	8,753,564,300	7,311,337,500		
060100	Universiti Malaya (UM)	...	638,115,900	463,905,000		
		40000	638,115,900	463,905,000		
060200	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	...	487,693,300	512,327,900		
		40000	487,693,300	512,327,900		
060300	Universiti Sains Malaysia (USM)	...	654,208,400	542,093,000		
		40000	654,208,400	542,093,000		
060400	Universiti Putra Malaysia (UPM)	...	495,830,100	439,279,000		
		40000	495,830,100	439,279,000		
060500	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	...	497,947,100	415,644,000		
		40000	497,947,100	415,644,000		
060600	Universiti Utara Malaysia (UUM)	...	301,811,800	243,522,000		
		40000	301,811,800	243,522,000		
060700	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	...	548,515,300	504,020,000		
		40000	548,515,300	504,020,000		
060800	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	...	197,874,100	195,787,000		
		40000	197,874,100	195,787,000		
060900	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	...	379,902,200	315,961,000		
		40000	379,902,200	315,961,000		
061000	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	...	194,171,900	153,827,000		
		40000	194,171,900	153,827,000		
061100	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	...	2,618,244,300	1,997,171,900		
		40000	2,618,244,300	1,997,171,900		
061200	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	...	170,971,100	148,027,500		
		40000	170,971,100	148,027,500		
061300	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	...	173,856,800	142,557,900		
		40000	173,856,800	142,557,900		
061400	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	...	257,463,200	247,905,000		
		40000	257,463,200	247,905,000		
061500	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	...	186,371,700	142,091,000		
		40000	186,371,700	142,091,000		
061600	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	...	227,973,200	203,395,600		
		40000	227,973,200	203,395,600		
061700	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	...	220,406,700	212,389,000		
		40000	220,406,700	212,389,000		
061800	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	...	252,228,200	224,020,000		
		40000	252,228,200	224,020,000		
061900	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	...	138,607,400	114,183,500		
		40000	138,607,400	114,183,500		
062000	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	...	111,371,600	93,230,200		
		40000	111,371,600	93,230,200		

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2015	2016	2015	2016
			RM	RM		
070000 HOSPITAL PENGAJAR		1,172,255,000	1,164,755,800		
		40000	1,172,255,000	1,164,755,800		
070100	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	407,521,300	438,526,000		
		40000	407,521,300	438,526,000		
070200	Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)	443,002,800	403,211,000		
		40000	443,002,800	403,211,000		
070300	Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	321,730,900	323,018,800		
		40000	321,730,900	323,018,800		
080000 KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN		60,000,000	51,000,000		
		40000	60,000,000	51,000,000		
080100	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	60,000,000	51,000,000		
		40000	60,000,000	51,000,000		
090000 PROGRAM KHUSUS		30,850,000	15,890,000		
		20000	30,850,000	15,890,000		
090100	Bertugas ke Luar Negara	5,250,000	3,190,000		
		20000	5,250,000	3,190,000		
090200	Emolumen Kakitangan Kontrak	25,600,000	12,700,000		
		20000	25,600,000	12,700,000		
100000 DASAR BARU		0	377,443,600		
		40000	0	377,443,600		
100100	Pengurusan Ibu Pejabat	0	100,000,000		
		40000	0	100,000,000		
100200	Universiti Awam	0	262,443,600		
		40000	0	262,443,600		
100300	Hospital Pengajar	0	15,000,000		
		40000	0	15,000,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			13,147,617,100	11,767,147,000	<u>16.667</u>	<u>16.667</u>

Maksud Pembangunan 64 - KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

P.64

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2011-2014	Anggaran Dipinda 2015	Anggaran Tahun 2016	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
00400	Pendidikan Politeknik	707,862,927	114,132,276	118,620,000	148,921,500	0
00500	Universiti Putra Malaysia (UPM)	624,545,000	12,000,000	60,660,000	140,501,000	0
00601	Universiti Malaya (UM)	138,200,000	0	0	65,000,000	0
00602	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	57,000,000	0	0	13,000,000	0
01500	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	71,000,000	9,942,711	0	11,000,000	0
01600	Universiti Sains Malaysia (USM)	142,412,891	77,262,891	0	42,520,000	0
01900	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	477,000,000	32,706,132	1,000,000	165,000,000	0
02000	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR)	9,000,000	0	0	5,000,000	0
02100	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	64,000,000	0	0	15,000,000	0
02800	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	7,158,050	0	5,158,050	2,000,000	0
02900	Universiti Utara Malaysia (UUM)	85,205,000	0	0	15,252,500	0
04000	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	164,000,000	0	11,000,000	7,500,000	0
04200	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	20,481,000	0	0	5,000,000	0
04400	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	209,400,000	23,000,000	42,000,000	29,000,000	0
04800	Kolej Komuniti	275,514,773	12,601,335	375,974	90,400,000	0
04903	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	104,000,000	20,000,000	30,000,000	14,500,000	0
04904	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	190,000,000	74,000,000	75,000,000	7,000,000	0

Maksud Pembangunan 64 - KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

P.64

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2011-2014	Anggaran Dipinda 2015	Anggaran Tahun 2016	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
05000	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	92,400,000	0	0	42,000,000	0
05001	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	138,280,000	30,000,000	45,000,000	27,000,000	0
05002	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	243,150,000	41,150,000	8,200,000	26,300,000	0
05003	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	40,112,000	0	0	9,400,000	0
05009	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)	8,000,000	0	1,500,000	2,000,000	0
05011	Penyelidikan Fundamental	2,350,000,000	0	0	470,000,000	0
05012	Latihan Penyelidikan Universiti	845,000,000	0	0	145,800,000	0
05013	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	428,321,000	20,316,173	23,321,000	46,000,000	0
05014	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	125,323,000	8,000,000	63,808,000	53,515,000	0
05016	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	56,300,000	5,000,000	19,300,000	12,560,000	0
JUMLAH PEMBANGUNAN		7,673,665,641	480,111,519	504,943,024	1,611,170,000	0